

UCAPAN NAIB CANSELOR
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)
KALI PERTAMA TAHUN 2010
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Warbarakatuh ,Salam Sejahtera Dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

Yang Berusaha Mej. (K) Abdullah Hj. Mohd Said,
Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah

Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-Pegawai Utama dan Kanan Universiti

Dekan-Dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan Universiti Malaysia Sabah

Kakitangan Universiti Malaysia Sabah

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama pada petang ini dalam satu majlis yang bersejarah yang akan memperkasakan lagi proses transformasi UMS sebagai institusi peneraju dalam pendidikan dan penyelidikan di negara kita.

2. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa penganjur yang dipengerusikan oleh Y.Brs Mejari (K) Abdullah Hj. Mohd. Said, Pendaftar UMS kerana telah bertungkus-lumus bagi memastikan penganjuran majlis Konvensyen

Kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK) yang julung-julung kalinya diadakan di universiti ini diadakan dengan jayanya. Penganjuran Majlis Konvensyen KIK kali pertama ini merupakan satu lagi usaha Universiti untuk terus maju melangkah gagah ke hadapan demi mencapai kegemilangan dan kecemerlangan Universiti.

3. Saya yakin dan percaya, pelbagai ilmu telah kita peroleh sepanjang perjalanan konvensyen ini. Sesungguhnya, pemikiran yang kreatif dan inovatif boleh membawa banyak faedah kepada organisasi. Disamping mampu membantu menyelesaikan masalah, ianya boleh memupuk hubungan yang baik dan sejahtera sesama kakitangan.
4. Saya berharap agar segala ilmu pengetahuan serta teknik yang telah diperolehi melalui KIK ini dapat diaplikasikan dalam kerja-kerja sehari-hari tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Gunakanlah ilmu pengetahuan ini dengan sebaik-baiknya. Sebagai kakitangan yang inginkan kecemerlangan dalam kerjaya seharusnya mempunyai satu sikap yang positif, inovatif dan mempunyai objektif yang jelas untuk dituju.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin hadirin sekalian,

5. '**Bersatu kita teguh, Bercerai kita roboh**' .. pepatah melayu ini sering kita dengar malah telah sebati dalam diri semenjak kita kecil lagi. Pepatah ini mengingatkan kita bahawa amalan kerja berpasukan ataupun *teamwork* adalah amat penting bagi kemajuan dan kekuahan sesebuah organisasi. Malah pepatah ini juga telah diamalkan di Negara kita sendiri yang mempunyai pelbagai suku kaum sehingga mampu hidup aman damai dan bersatu padu sehingga ke hari ini. Budaya seperti ini harus diterapkan di setiap jabatan di universiti ini agar matlamat dan objektif Universiti khususnya dapat dicapai.
6. KIK mempunyai prinsip asas yang mengiktiraf kakitangan sebagai sumber paling bernilai dalam sesebuah organisasi dan menyediakan forum kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan seterusnya melaksanakan tindakan yang diputuskan secara berpasukan. Bagi memastikan setiap usaha untuk meningkatkan nilai kecekapan kerja dan operasi di dalam setiap bahagian

ditonjolkan, penganjuran Konvensyen KIK adalah disarankan. Ia bagi memberi ruang dan peluang bagi mempersempahkan hasil penambahbaikan yang dihasilkan oleh para kakitangan untuk tujuan perkongsian bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Buah pemikiran sahaja tanpa tindakan tidak membawa faedah kepada mana-mana individu. Setiap idea dan cetusan pemikiran harus diaplikasikan dengan cara yang terbaik untuk mendapatkan hasil (*output*) yang terbaik. Dalam hal ini, setiap individu harus sedar bahawa kerja merupakan satu tanggungjawab yang dipikul dan amanah yang wajib dilaksanakan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu untuk memajukan dan meningkatkan prestasi jabatan masing-masing.
8. Disamping itu, setiap usaha dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh kakitangan harus diberi penghargaan dan pengiktirafan. Oleh itu, penganjuran Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif ini merupakan langkah untuk mengiktiraf dan menghargai para pekerja yang selama ini bertungkus lumus meningkatkan prestasi kerja dan menunjukkan komitmen yang tinggi demi mencapai matlamat dan objektif jabatan masing-masing seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan universiti. Majlis seperti ini juga memberi kesempatan yang amat baik kepada kita untuk sama-sama melihat dan menentukan bagaimana peranan kita sebagai kakitangan di universiti ini, bagaimana sumbangan kita atau lebih tepat lagi bagaimana kepimpinan kita dalam organisasi yang boleh disumbangkan oleh kita sebagai satu kumpulan yang merupakan tulang belakang atau tiang seri kepada Universiti ini.
9. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat khususnya Ahli Jawatankuasa Panganjur KIK Universiti Malaysia Sabah tahun 2010 kerana telah berjaya mengadakan konvesyen yang amat bermanfaat ini.
10. Saya menyeru kepada seluruh warga UMS agar memanfaatkan segala ilmu dan pengetahuan yang telah diperolehi agar terus mengangkat citra universiti melalui amalan budaya cemerlang dalam perkhidmatan dan tugas kerja harian.

11. Dengan lafaz kalimah suci, **Bismillahir Rahmanir Rahim**, saya dengan ini menutup **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kali Pertama Tahun 2010, Universiti Malaysia Sabah** dengan rasminya.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.